



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN & KESIHATAN

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

NOTIS KERJA LANTIKAN KONTRAKTOR SECARA PENGUNDIAN

**PENDAFTARAN KONTRAKTOR DI JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN &
KESIHATAN**

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

PENGUMUMAN

1. ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN & KESIHATAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG AKAN MELAKSANAKAN PENGGILIRAN KONTRAKTOR BAGI KERJA-KERJA SEGERA INDEN / PESANAN TEMPATAN (LO).
2. PENDAFTARAN KONTRAKTOR UNTUK MENYERTAI PROSES KERJA PENGGILIRAN SECARA PENGUNDIAN INI AKAN DILAKSANAKAN SECARA BERSEMUKA DENGAN MEMATUHI ARAHAN SOP.
3. PIHAK KONTRAKTOR **WAJIB** MENGHANTAR DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEPERTI:
 - a. SALINAN SIJIL SSM YANG MASIH SAH LAKU
 - b. SALINAN SIJIL KKM YANG MASIH SAH LAKU
 - c. SALINAN SIJIL PENDAFTARAN UPEN
 - d. SALINAN SIJIL BUMIPUTERA
 - e. SALINAN NO.TIN ATAU NO.CUKAI PEMILIK LESEN
 - f. SALINAN SIJIL TCC YANG BERSTATUS PATUH
 - g. TELAH BERDAFTAR DI JABATAN PEROLEHAN MPKj
 - h. SALINAN SIJIL-SIJIL YANG BERKAITAN
4. TEMPOH MASA PENDAFTARAN ADALAH SELAMA **1 HARI SAHAJA PADA 25HB JUN 2026 BERMULA JAM 9.00 PAGI SEHINGGA 1.00 TENGAHARI SAHAJA.**
5. SEKIRANYA PIHAK KONTRAKTOR TIDAK MEMENUHI KRITERIA DI PERKARA 3 KELAYAKAN PIHAK TUAN AKAN TERBATAL SECARA AUTOMATIK.
6. KEGAGALAN DALAM MENYEDIAKAN DOKUMEN YANG LENGKAP AKAN MENYEBABKAN PERMOHONAN SYARIKAT TUAN/PUAN TIDAK DAPAT DIPROSES DAN AKAN DIBATALKAN.
7. KERJA PEMBEKALAN / PERKHIDMATAN YANG DIKELUARKAN INI AKAN DITAWARKAN MENGIKUT KEPERLUAN DARI SEMASA KE SEMASA

BERGANTUNG KEPADA JUMLAH PERUNTUKKAN DAN PENYEDIAAN SPESIFIKASI.

8. HANYA **PEMILIK SYARIKAT SAHAJA YANG DIBENARKAN HADIR** UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN-DOKUMEN TERSEBUT SECARA BERSEMUKA. WAKIL SYARIKAT ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI.
9. SEKIRANYA PIHAK KONTRAKTOR YANG TERPILIH TIDAK DAPAT DIHUBUNGI, UNDI TERSEBUT AKAN TERBATAL SECARA TERUS DAN AKAN DIGANTI DENGAN PENGUNDIAN KONTRAKTOR BARU.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENYERTAI PROSES KERJA UNDI ADALAH
SEPERTI YANG TERTERA DI BAWAH :-**

1. TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN DENGAN PENGKHUSUSAN YANG BERKAITAN.
2. MEMILIKI SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN YANG DIKELUARKAN OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) YANG MASIH AKTIF SEPANJANG TAHUN 2026.
3. MEMILIKI SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM) BESERTA KOD BIDANG BERSESUAIAN YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU SEPANJANG TAHUN 2026.
4. MEMILIKI SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU SEPANJANG TAHUN 2026.
5. MEMILIKI SIJIL PENGESAHAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI (UPEN) SELANGOR.
6. MEMILIKI DOKUMEN SIJIL TCC YANG BERSTATUS PATUH
7. MEMILIKI DOKUMEN NO.TIN ATAU NO.CUKAI PEMILIK LESEN
8. WAKIL KONTRAKTOR **ADALAH TIDAK DIBENARKAN**. HANYA PENAMA / PEMILIK YANG SAH SAHAJA SEPERTI DALAM SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN. PIHAK JABATAN BERHAK MENOLAK PENYERTAAN SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT TERSEBUT ADALAH PALSU, DAN MEMBATALKAN PENYERTAAN JIKA MENDAPATI PEMOHON MEWAKILI BAGI PIHAK YANG LAIN.
9. MANA-MANA KONTRAKTOR YANG TELAH MENGHANTAR MAKLUMAT PENDAFTARAN, ADALAH BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH PALSU, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK DISENARAIKAN.
10. KONTRAKTOR YANG LAYAK AKAN MENERIMA EMAIL / PANGGILAN TELEFON DARI WAKIL JABATAN SEKIRANYA TERPILIH DI DALAM CABUTAN UNDI. PASTIKAN ALAMAT EMAIL / NO TELEFON ADALAH BETUL DAN BOLEH DIHUBUNGI SEPANJANG MASA.
11. PIHAK KONTRAKTOR PERLU MENCETAK BORANG SENARAI SEMAK BAGI PENYEDIAAN DOKUMEN PERMOHONAN KERJA UNDI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT MONSUN 2026 DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG.
12. **PIHAK KONTRAKTOR YANG MEMOHON KERJA INI HENDAKLAH MEMPUNYAI KEKUATAN ANGGOTA, KEPAKARAN, JENTERA DAN PERALATAN YANG**

MENCUKUPI. SEKIRANYA PIHAK KONTRAKTOR DIDAPATI TIDAK MEMPUNYAI PEKERJA UNTUK MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT MONSUN INI, LANTIKAN PERKHIDMATAN INI AKAN TERBATAL SERTA MERTA.

13. PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT MONSUN INI DIBIYAI MELALUI PERUNTUKAN MARRIS DAN PEMBAYARAN TUNTUTAN ADALAH TERTAKLUK KEPADA PELEPASAN SERTA KELULUSAN PERUNTUKAN TERSEBUT, YANG BERKEMUNGKINAN MENGAMBIL TEMPOH MASA YANG AGAK PANJANG. OLEH ITU, HANYA KONTRAKTOR YANG MEMPUNYAI KEMAMPUAN KEWANGAN DAN ALIRAN TUNAI YANG MENCUKUPI BAGI MENAMPUNG KOS PELAKSANAAN KERJA SEHINGGA PEMBAYARAN DITERIMA SAHAJA DIGALAKKAN UNTUK MENYERTAI TAWARAN INI.

PENDAFTARAN PROSES KERJA PENGGILIRAN KONTRAKTOR AKAN DIADAKAN SEPERTI BERIKUT:-

TARIKH & WAKTU : 25HB JUN 2026 (KHAMIS) JAM 9 PAGI – 1.00
TENGAHARI.

PENDAFTARAN : PENDAFTARAN HENDAKLAH DIBUAT SECARA
BERSEMUKA.

TEMPAT : BILIK RUNDINGAN JABATAN PERKHIDMATAN
PERBANDARAN & KESIHATAN (JPK), TINGKAT 4A
MENARA MPKJ.